

5.2.2020

KENYATAAN MEDIA

oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

TINGKATKAN PENGAWASAN DAN PERLINDUNGAN SUNGAI MUDA

- **PBAPP menyokong sepenuhnya cadangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk melindungi Sungai Muda sebagai “sungai strategik” untuk mencegah pencemaran dan kontaminasi.**
- **Sungai Muda adalah sumber air mentah utama bagi Pulau Pinang dan Kedah. Ia mesti dipantau, dilindungi dan dipelihara untuk mengekalkan keselamatan bekalan air bagi berjuta-juta penduduk dan beribu-ribu perniagaan di kedua-dua negeri.**

PULAU PINANG, Rabu, 5.2.2020: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) menyokong sepenuhnya cadangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) untuk melindungi Sungai Muda sebagai “sungai strategik”.

Idea Pengerusi SPAN YB Charles Santiago untuk mewujudkan zon penampakan 30 meter di sepanjang 203 km sungai adalah permulaan yang baik.

Namun lebih penting, tindakan 5 perkara berikut perlu dimulakan:

- Rondaan tetap di sungai dan tebing sungai;
- Pengawasan *drone* berkala;
- Memasang papan tanda amaran;
- Mendidik dan memaklumkan pemilik tanah tebing sungai; dan
- Penguatkuasaan ketat peraturan dan undang-undang perlindungan sungai.

Kami bersetuju dengan SPAN bahawa perlindungan Sungai Muda harus secara serius dianggap sebagai isu keselamatan awam dan bekalan air.

Penemuan tapak pelupusan sisa haram kedua di sepanjang tebing Sungai Muda seharusnya menjadi amaran untuk pihak berkuasa yang berkaitan mengambil tindakan sekarang.

Menurut laporan berita, bekas lombong pasir 1.21 hektar (3 ekar) di Kampung Belida di Kuala Ketil, Kedah, kini dipenuhi dengan sampah. Lombong berkenaan dilaporkan berdekatan dengan tebing Sungai Muda.

Pada Julai tahun lalu, dilaporkan bahawa Kerajaan Negeri Kedah telah menutup sebuah tapak pelupusan sampah seluas 2 hektar di Sidam Kiri selepas ia didapati sebagai tapak pelupusan sampah yang datangnya dari seluruh dunia.

Tapak pelupusan sampah di tebing Sungai Muda merupakan ancaman langsung dan berbahaya kepada bekalan air di Pulau Pinang dan selatan Kedah.

Mengurangkan kesan pencemaran atau kontaminasi

Sungai Muda adalah sumber air mentah utama untuk Pulau Pinang dan selatan Kedah.

Lebih 80% air mentah Pulau Pinang diabstrak dari Sungai Muda setiap hari. Air mentah kemudian dirawat di Loji Rawatan Air Sungai Dua (LRA Sungai Dua) dan disalurkan kepada pengguna air di Seberang Prai dan Pulau Pinang.

Ada kesan buruk jika air mentah dari Sungai Muda didapati dicemari atau tercemar oleh resapan sisa.

Ia akan memaksa PBAPP menghentikan abstraksi air mentah dari Sungai Muda, demi melindungi kesihatan awam. Walau bagaimanapun, langkah kecemasan ini akan menyebabkan gangguan bekalan air segera dan meluas di seluruh Pulau Pinang kerana LRA Sungai Dua tidak akan mempunyai air mentah yang mencukupi untuk dirawat.

Senario akan sama bagi semua kawasan yang terletak di selatan Kedah. Secara keseluruhan, berjuta-juta orang dan perniagaan tidak akan mendapat bekalan air.

Oleh itu, semua tapak pelupusan sampah di Sungai Muda mesti ditutup

dan usaha bersepadu harus diambil untuk mengelakkan pelupusan sampah secara haram di sepanjang tebing sungai.

Ujian Kualiti Air Setiap Hari oleh PBAPP

Perlu diingatkan bahawa sebagai operator bekalan air bagi Pulau Pinang, PBAPP tiada kuasa untuk mengambil tindakan di Kedah.

Walau bagaimanapun, kami mengawasi kualiti air mentah yang diabstrak dari Sungai Muda di muka sauk kami di Lahar Tiang Pulau Pinang setiap hari. Makmal Pusat kami di LRA Sungai Dua berada pada tahap waspada, dan akan terus mengambil sampel serta menguji air mentah yang dialirkan ke loji setiap hari.

Sehingga kini, kualiti air terawat yang dihasilkan oleh LRA Sungai Dua didapati bersih dan selamat. Air terawat PBAPP terus mematuhi parameter yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan di bawah Program Jaminan Kualiti (QAP).

Selain itu, PBAPP sedang menjalankan ujian bebas terhadap “logam berat” berikutan ancaman pencemaran dari tapak pelupusan haram Kampung Belida. Jika terdapat sebarang kelainan, kami akan membuat pengumuman awam.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my